



**KENYATAAN MEDIA  
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA**

**“BANTUAN BANJIR TABUNG BENCANA TANAMAN PADI”**

1. Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan telah meluluskan peruntukan melalui Bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi berjumlah RM2.19 juta kepada 1009 orang peladang melibatkan 1,278 hektar di Kawasan Muda yang terjejas akibat banjir berlaku di negeri Kedah pada bulan September dan Oktober yang lalu.
2. Majlis Penyerahan Bantuan Banjir Tabung Bencana Tanaman Padi Bulan September dan Oktober 2020 disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Menteri Pertanian Dan Industri Makanan telah berlangsungnya pada 15 Mac 2021 bertempat di Perkarangan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) H-II, Kepala Batas, Jitra Kedah.
3. Peruntukan diberikan berdasarkan kepada tempoh usia pokok padi yang rosak akibat ditenggelami air. Bagi pokok padi yang berusia 1 sehingga 70 hari, kerajaan memperuntukan bayaran RM876 perhektar sebagai bantuan. Manakala bagi pokok padi yang berusia 71 hari keatas, bantuan diberikan sebanyak RM1,800 perhektar.
4. Dalam bawah Rancangan Malaysia Ke Dua belas (RMKe-12), **Kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM80 juta** di bawah Tabung Bantuan Bencana Agromakanan untuk membantu pesawah, petani dan penternak yang kehilangan hasil akibat daripada bencana alam.
5. Sebagai satu langkah penyelesaian jangka panjang, **MAFI telah memberi mandat kepada Agrobank untuk menerajui usaha untuk membangunkan satu skim insuran bagi industri pertanian dan agromakanan.** Pada masa yang sama, MAFI juga mengalu-alukan pihak industri sendiri untuk menawarkan model-model skim insuran pertanian yang bersesuaian.
6. Langkah ini adalah juga seiring dengan inisiatif Kerajaan pada masa ini yang bergerak ke arah **pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SBB)** merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam menyatukan **tanah sawah secara pertanian kontrak atau sewaan melalui satu sistem pengurusan** bagi mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil lepas tuai.
7. Program ini **tidak membabitkan sebarang tambahan kos kepada Kerajaan malah kesemua syarikat peneraju akan menanggung sepenuhnya kos terlibat** serta akan turut menggunakan pelbagai kaedah teknologi baharu dalam industri bagi meningkatkan hasil per hektar
8. MAFI menasaskan peningkatan purata hasil perhektar nasional **daripada purata hasil semasa sebanyak 3.5 tan metrik kepada 7 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).** Dalam tempoh jangka panjang, program SMART SBB ini dijangka akan membantu negara untuk mencapai sasaran **SSL beras yang telah ditetapkan dalam tempoh RMKe-12 iaitu sebanyak 75%.**

9. Dalam majlis tersebut, Menteri Pertanian dan Industri Makanan berkata kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan sistem pengairan di Kawasan Muda dalam usaha menyediakan rangkaian kemudahan yang komprehensif untuk meningkatkan pengeluaran padi negara.
10. Sehingga 10 Mac 2021, sebanyak 14 blok pengairan telah dibangunkan di Kawasan Muda dengan jumlah peruntukan sebanyak RM288.9 juta manakala baki 29 blok pengairan lagi dengan peruntukan sebanyak RM915.8 juta akan dilaksanakan pembinaan dalam RMKe-12 (2021-2025).

Disediakan Oleh :

**Cawangan Komunikasi Korporat  
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)  
15 Mac 2021**